

25 APRIL 1999  
BERITA HARIAN

## Perairan Sabah banyak paus, dugong

**PERAIRAN** pantai barat utara Sabah termasuk Kepulauan Banggi dan Teluk Marudu dikenal pasti antara kawasan destinasi utama mamalia marin seperti paus, lumba-lumba dan dugong mencari makanan dan berhijrah.

Inilah hasil kajian awal Kumpulan Kerja Mamalia Marin dan Jerung Paus Malaysia menggunakan bot penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 'Galaxea UMS' di kawasan berkenaan baru-baru ini.

Selepas seminggu menjalankan tinjauan menggunakan kaedah garisan transect (laluhan bot) dari Kota Kinabalu ke Pulau Mengalum, Pulau Mantanani, Kudat, Teluk Marudu dan kepulauan Pulau Banggi, kumpulan berkenaan berjaya mengesan 18 pergerakan mamalia marin di permukaan laut.

Daripada jumlah itu 16 kumpulan lumba-lumba turut dikenal pasti manakala selebihnya dua spesies paus iaitu paus *False Killer* (*Pseudorca crassidens*) dan paus Bryde (*Balaenoptera edeni*).

Kumpulan yang diketuai penyelidik dari Unit Penyelidikan Marin Borneo, UMS,

Saifullah Ariffin Jaaman berkata, paus False Killer ditemui di utara kawasan perairan utara Pulau Mantanani, Kota Belud.

"Ia bergerak dalam kumpulan lapan sehingga 12 ekor sedang berenang sambil berehat.

"Turut sama dalam kumpulan itu ialah lumba-lumba Spotted (*Stenella attenuata*) yang pertama kali direkodkan di Malaysia," katanya.

Saifullah berkata, paus ini berwarna hitam, apabila dewasa ia boleh mencapai lima hingga enam meter panjang.

Selepas itu kumpulan yang turut disertai penyelidik dari Jabatan Perikanan Sabah dan Jabatan Hidupan Liar Sabah turut menemui seekor paus Bryde (*Balaenoptera edeni*) kira-kira 25 batu nautika ke barat Pulau Kalampunian, di utara Kudat.

"Paus ini berukuran 15 meter, berdasarkan sirip dosal, ia dikenal pasti sebagai paus Bryde yang menjadikan ikan dan invertebrat kecil sebagai makanan," katanya.

Penulis yang turut bersama di dalam eks-

pedisi itu mendapati kaedah yang digunakan penyelidik boleh mengesan mamalia berkenaan berdasarkan bentuk fizikal haiwan yang ditemui berenang.

Setiap petugas ditempatkan di lokasi masing-masing di dalam bot dan dibekalkan dengan teropong jauh untuk mengesan mamalia yang berada pada jarak 300 meter sehingga satu kilometer.

Petugas yang mengesan mamalia akan meniupkan wisel memberitahu pemerhati lain untuk memberi tumpuan kepada haiwan yang ditemuinya, pada waktu berkenaan kelajuan bot diperlahankan bagi membolehkan usaha merekod dan mengambil gambar dilakukan.

Pergerakan mamalia berkenaan mudah dikesan terutama ketika keadaan laut tidak bergelora, ini kerana lumba-lumba akan berenang secara kumpulan di kawasan permukaan laut, manakala ikan paus akan muncul di permukaan air untuk menyedut udara dengan memancutkan air melalui 'blowhole' di bahagian kepalanya.

Biasanya paus naik ke permukaan air beberapa kali untuk mengambil udara untuk

sebelum kembali menyelam.

Dalam ekspedisi berkenaan, kumpulan lumba-lumba banyak dikesan dari kawasan Tanjung Keretang, Kudat sehingga Tanjung Berungus, Pitas meliputi kawasan Teluk Marudu.

Spesies lumba-lumba yang ditemui ialah Lumba-Lumba Muncung Panjang (*Stenella longirostris*) yang suka berenang di hadapan kapal atau bot yang bergerak.

Haiwan ini sesekali akan melompat tinggi sambil memusing badan beberapa kali di udara. Lumba-lumba spesies ini aktif mencari makan ikan dan sotong pada waktu malam dan berehat dengan berenang di kawasan persisir pantai pada siang hari.

"Biasanya lumba-lumba bergerak dalam kumpulan antara 10 sehingga 15 ekor, bagaimanapun pemerhatian di kawasan Pulau Balambangan, mendapati lebih 50 lumba-lumba berenang dalam satu kumpulan," kata Saifullah.

Bagaimanapun dalam ekspedisi itu kami gagal menemui dugong yang dipercayai banyak terdapat di kawasan cetek yang mempunyai rumput laut di kepulauan Banggi.